

**Nurul Izzah: Selesai masalah jenayah bukan kembalikan undang-undang drakonian**

**Malaysian Insider**

**Aug 15 , 2013**

**OLEH DIYANA IBRAHIM**

Peningkatan kadar jenayah berat di negara ini mampu dibanteras jika kerajaan Barisan Nasional (BN) mewujudkan sebuah Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salahlaku Polis (IPCMC) bukannya mengembalikan undang-undang drakonian seperti yang diwar-warkan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, kata Nurul Izzah Anwar (gambar).

Katanya, pelaksanaan IPCMC disaran melalui laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja dipengerusi oleh Bekas Ketua Hakim, Tun Mohamed Dzaiddin bin Haji Abdullah (2004) adalah jawapan kepada negara bagi membanteras jenayah.

Ahli Parlimen Lembah Pantai itu menyelar tindakan Menteri Dalam Negeri kerana dilihat terlalu mementingkan keperluan untuk mengembalikan undang -undang seperti Akta Ordinan Darurat (EO).

"Tindakan beliau itu menjadikan kerajaan dan PDRM nampak seolah-olah tidak berdaya melawan karenah penjenayah yang memang sudah dikenal-pasti dari simpanan rekod sedia ada ia amat mencurigakan," katanya dalam satu kenyataannya hari ini.

"Kenyataan atas angin dalam usaha memusatkan kuasa di tangan Menteri di kala kerajaan sendiri gagal menyediakan khidmat terbaik buat rakyat," katanya.

Beliau berkata, kerana terlalu ghairah melaksanakan undang-undang drakonian kerajaan terlupa apa yang mereka perlu beri perhatian ialah mempertingkatkan pengawasan.

"Malaysia mempunyai undang-undang yang cukup untuk mencegah jenayah namun kekurangan adalah daripada segi penguatkuasaan undang-undang itu penyediaan peralatan yang berfungsi secara baik dari CCTV, kereta peronda, sehinggalah kepada anggota polis yang dilatih dengan baik,

"Malangnya, kerajaan tidak komited menyelesaikan masalah yang berkait pengawasan, pemantauan dan pencegahan jenayah yang lemah akibat kegagalan dalaman sendiri, " katanya. – 15 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/nurul-izzah-selesai-masalah-jenayah-bukan-kembalikan-undang-undang-drakonia>